



## **KESATUAN PEMANDU-PEMANDU KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA (KPPKKSMM)**

### **Pendaftaran 382**

---

#### **MEMO DALAMAN**

- 1- Pihak kesatuan menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada ahli-ahli yang telah memberi sepenuh kepercayaan kepada kepimpinan kesatuan dalam memperjuangkan hak-hak dan kebajikan ahli-ahli KPPKKSMM.
- 2- Pihak kesatuan sentiasa memastikan disemua peringkat cawangan dapat berfungsi dan menjalinkan hubungan baik diantara ahli-ahli dan wakil-wakil kesatuan yang telah dilantik dalam mentadbir urus kesatuan diperingkat cawangan.
- 3- Ahli-ahli KPPKKSMM dinasihatkan agar tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan perhubungan perusahaan dimana tidak melanggar peraturan-peraturan yang termaktub didalam Perintah Am Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam.
- 4- Ahli-ahli KPPKKSMM diminta rujuk terlebih dahulu kepada pihak kesatuan dalam sesuatu isu yang dibangkitkan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mencetuskan provokasi dan penyebaran fitnah bagi memburukan kesatuan dan pegawai-pegawai kesatuan kepada Pegawai-Pegawai Cawangan atau Ahli Jawatankuasa Cawangan kerana ini penting dalam memelihara keharmonian dan kepentingan kita bersama.
- 5- Pihak kesatuan mengamalkan sikap keterbukaan kepada ahli-ahli dalam melaporkan segala permasalahan yang dihadapi didalam perhubungan perusahaan diantara pihak majikan dan pekerja bagi memelihara hubungan baik diantara pihak pekerja dan majikan serta kebajikan pekerja-pekerja.

- 6- Pihak kesatuan juga menzahirkan ucapan tahniah dan sekalung penghargaan kepada ahli-ahli yang berjaya dinaikan pangkat dari H11 ke KUP H14 (One Off).
- 7- Pihak kesatuan juga ingin maklumkan bahawa hubungan baik pihak kesatuan dan Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Majlis Bersama Kebangsaan Sains Dan Teknologi dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) telah banyak membantu dalam menaiktaraf perjawatan khususnya bagi Laluan Kerjaya Pemandu Kenderaan.
- 8- Pihak kesatuan sentiasa mencari idea-idea baharu dalam usaha menambahbaik skim perkhidmatan dan perjawatan pemandu yang lebih baik disampingkan meningkatkan kadar upah yang sesuai dan berpatutan dengan keadaan semasa.
- 9- Pihak kesatuan juga sentiasa memastikan segala tuntutan-tuntutan berkaitan kewangan seperti khairat kematian ahli, sumbangan kematian isteri (pertama sahaja), kemasukan wad dan sumbangan pesaraan ahli-ahli disalurkan kepada cawangan melalui ibupejabat dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan sepertimana yang telah dipersetujui didalam persidangan perwakilan.
- 10- Untuk sebarang aduan atau keterangan berkaitan kesatuan Ahli-ahli KPPKSM boleh membuat aduan terus secara bertulis dengan menyatakan maklumat diri (kerahsiaan ahli akan dilindungi) dialamat : Kelab Batu Pahat, No. 324, Jalan Kelab, 83000 Batu Pahat, Johor. Laman web kppkksm: [www.kppkksm.org.my](http://www.kppkksm.org.my) email: [kppkksm@yahoo.com](mailto:kppkksm@yahoo.com).

**“ AMANAH, TELUS DAN IKHLAS ”**  
**“ KEBAJIKAN DIUTAMAKAN, PRODUKTIVITI DITINGKATKAN ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( REOSTAM BIN DZAHAR )**

Setiausaha Agung

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia (KPPKSM)